

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (HPP) ini memberikan anda maklumat penting tentang perkhidmatan kewangan perniagaan anda dengan Bank of China (Malaysia) Berhad (BOCM). Pelanggan lain telah membaca HPP ini dan mendapati ia berguna; **anda juga harus membacanya.**

① Apakah itu Jaminan Bank (BG)/ Surat Kredit Tunggu Sedia (SBLC)?

BG ialah aku janji bertulis yang dikeluarkan oleh BOCM bagi pihak pelanggannya untuk pihak ketiga (Benefisiari) bagi menjamin kewajipan pelanggan. Ciri dan tujuan SBLC adalah mirip BG. SBLC biasanya digunakan sebagai pengganti BG untuk menjamin pembayaran sekiranya komitmen kontrak tidak dilaksanakan.

Faedah-faedah BG/SBLC

- BG/SBLC membolehkan anda memberi kepercayaan dan keyakinan di kalangan perniagaan dengan keupayaan anda untuk memenuhi komitmen kontrak.
- Memperolehkan peluang perniagaan baru, terutamanya dalam perniagaan antarabangsa dan projek berskala besar.

② Apakah Obligasi Anda?

- Anda berjanji untuk membayar komisen dahulu (termasuk tempoh tuntutan) apabila BG/SBLC dikeluarkan dan ia tidak boleh dikembalikan.
- Anda secara tidak boleh ditarik balik dan tanpa apa-apa syarat, anda bersetuju untuk indemnifi BOCM sepenuhnya terhadap sebarang liabiliti berkaitan dengan pengeluaran BG/SBLC.
- Anda mesti mengembalikan semua BG asal yang dikeluarkan kepada BOCM untuk pembatalan apabila tamat tempohnya.

Adalah tanggungjawab anda untuk:



Membaca dan memahami terma dan syarat permohonan BG/SBLC sebelum anda menandatangani.



Membayar BOCM dengan segera amaun penuh sekiranya terdapat tuntutan di bawah BG/SBLC.

③ Kenali Risiko Anda

Apakah risiko utama?

1. Jika anda gagal melaksanakan kewajipan anda, BOCM akan membuat pembayaran kepada Benefisiari apabila menerima tuntutan daripada Benefisiari.
2. BOCM tidak mempunyai kewajipan untuk mengesahkan dan/atau menyiasat sama ada peristiwa keingkaran telah berlaku semasa tuntutan.
3. Jika anda gagal untuk melaksanakan kewajipan anda, BOCM boleh menggunakan cagaran anda untuk membayar tuntutan.

Apa yang berlaku jika anda mengabaikan obligasi anda?

1. Jika anda gagal membayar, BOCM berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap anda dan anda perlu menanggung semua kos.
2. Dengan notis yang diberi, BOCM boleh menolak (set-off) sebarang jumlah tertunggak yang perlu dibayar di bawah produk ini dari akaun anda dengan kami.

④ Fi dan Caj

Jenis Perkhidmatan	Harga/ Fi/ Caj (RM atau nilai setara)	Waktu pemprosesan (domestik & rentas sempadan)
Permohonan / Pindaan/ Pembatalan BG/SBLC	Jika pengeluaran/pindaan BG/SBLC adalah dijamin sepenuhnya dengan deposit tunai atau simpanan tetap atau jaminan balas yang boleh diterima oleh BOCM. ▪ Berbeza dari 0.03% hingga 0.10% sebulan (atau sebahagian daripadanya) atau seperti yang ditentukan oleh BOCM ▪ Minimum RM100 Jika pengeluaran/pindaan BG/SBLC adalah bersih atau dijamin sebahagian/sepenuhnya terhadap aset contoh harta tanah, saham dan lain-lain. ▪ Berbeza dari 0.1% hingga 0.15% sebulan (atau sebahagian daripadanya) atau seperti yang ditentukan oleh BOCM ▪ Minimum RM100	<u>Permohonan/Pindaan/Pembatalan BG/SBLC (tanpa setem):</u> Sebelum pukul 2 petang, proses pada hari yang sama; Selepas pukul 2 petang, akan diproses pada hari bekerja berikutnya.
Penasihatn Jaminan & Pindaan jaminan	RM100 setiap Penasihatn Jaminan RM100 setiap Penasihatn Pindaan Jaminan	Sebelum pukul 2 petang, proses pada hari yang sama; Selepas pukul 2 petang, akan diproses pada hari bekerja berikutnya.
Nota: ▪ Caj Lain: Sila rujuk kepada surat tawaran yang berkaitan dan Caj Standard kami mengenai Operasi Perkhidmatan Perdagangan Antarabangsa di https://www.bankofchina.com.my/m/en-my/service/information/service-rates-and-tariffs/standard-charges-on-international-trade-services-operations.html untuk senarai penuh fi dan caj; ▪ Fi dan caj di atas adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan; ▪ Pemprosesan hari yang sama tertakluk kepada permohonan BG/SBLC dan dokumen adalah lengkap; ▪ Masa pemprosesan yang lebih lama akan digunakan untuk penghantaran pukul.		

⑤ Terma Utama Lain

Adalah penting untuk anda memaklumkan BOCM sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai BG/SBLC kami, anda boleh:



Menghubungi Pusat Panggilan Pelanggan:
+603-20595566



Mengunjungi Laman Web:
<https://www.bankofchina.com.my/en-my/segment/corporate-banking/trade-services/bank-guarantee.html>



E-mel ke:
callcenter@my.bank-of-china.com

Sekiranya anda menghadapi kesukaran untuk membuat pembayaran balik, anda boleh menghubungi AKPK di:



Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Nombor Perhubungan: +603-2616 7766

E-mel: enquiry@akpk.org.my